

## PRIVACY STATEMENT

This Privacy Statement explains and describes our practices for collecting, using, maintaining, protecting, and disclosing personal information that we may receive or that you may provide during your course of dealing with us including when you visit our websites. If you have additional questions regarding the processing of your personal information or information security, please contact us at [privacy@hk.tricorglobal.com](mailto:privacy@hk.tricorglobal.com).

In this Privacy Statement, "Tricor" refers to Tricor group of companies which include our holding company, our related subsidiaries and affiliates. Every Tricor company is dedicated to respect privacy and protect personal information that is entrusted to it.

### Types of Personal Information collected

This Privacy Statement explains our practices with regards to "Personal Information" collected by Tricor for its business purposes. Personal Information include any information that can be used (directly or indirectly) to identify, locate or contact you from that information alone or in combination with other information we process or can reasonably access. We may collect the following types of Personal Information:

- your personal identification information (which may include your name and passport information, your IP address, politically exposed person (PEP) status, personal data available in the public domain, details of your financial information, sources of wealth and your assets and such other information as may be necessary for Tricor to provide its services and to complete its client due diligence process and discharge its AML/CFT obligations).
- "Contact Information" that allows us to communicate with you, such as your name, username, mailing address, telephone numbers, email address or other addresses that allow us to send you messages.
- "Relationship Information" that helps us do business with you, such as the types of products and services that we provide to you or that may interest you, information on your company's size, geographic locations, creditworthiness and demographics.
- "Transaction Information" about how you interact with Tricor, including purchases, inquiries, customer account information, and information about how you use the Tricor websites and applications.
- if you apply for a position with us we may collect information relating to your past employment, professional qualifications and education, your nationality and immigration/residential status, opinions from third parties about you (such as references) and other details about you which may be gathered during the recruitment process. We may also review publicly available information about you on your social media accounts.

### Methods of Collecting Personal Information

In majority of the cases, we collect Personal Information directly from you or from third parties. For example, we may collect your Personal Information from your authorised representatives and advisor(s), your employer, our corporate clients where we are providing services to them, our service providers of referees, in the case of prospective employees. We may ask you for Personal Information (including Contact Information and Relationship Information) when you interact with us, such as registering on our websites, signing up to receive a newsletter, or making a purchase. We may collect additional Relationship Information from third party search information suppliers who can help us better understand our customers.

We collect Transaction Information when you purchase services or products from Tricor. We also collect Transaction Information when you visit our website, use our applications or contact us, such as for customer service purposes.

If you interact with us online, we use cookies and other technological tools to collect information about your computer and your use of our website and applications. We treat this information as Personal Information when it is associated with your Contact Information. For more information about cookies and other technologies, please see the section Cookies and Other Data Collection Technologies below.

## **Use of Personal Information**

Tricor may use your Personal Information to:

- Fulfil your requests for services or products and for related activities, such as service and product delivery, customer service, account management, support and training and to provide other services related to your relationship with Tricor;
- Provide our corporate clients with services or products and for related activities, such service and product delivery, customer service, account management, support and training and to provide other services related to their relationship with Tricor;
- Provide you with marketing communications and offers for services and products from Tricor and in some cases, our partners, including offers targeted based on your interests, business characteristics and location, in each case, subject to your consent where required under the applicable laws;
- Comply with the applicable laws, regulations, and guidelines ;
- Administer surveys, market research, and promotional events;
- Determine if you are eligible for certain products, services, or offers;
- Provide you with additional information that may be of interest, such as Tricor news and announcements and technical service bulletins;
- Manage our everyday business needs, such as payment processing and financial account management, product development, contract management, website administration, forum management, fulfilment, analytics, security and fraud prevention, corporate governance, reporting and legal compliance, business continuity and complaint, claim or litigation management; and
- consider job applicants for employment.

We may not always rely on consent as a legal basis for processing your Personal Information although we will seek your consent before sending third party direct marketing communications to you via email or text message. You have the right to withdraw consent to marketing at any time by contacting us.

### **If you fail to provide Personal Information**

Where we need to collect Personal Information by applicable law or under the terms of an agreement that we have with you, and you fail to provide that data when requested, we may not be able to perform the agreement (for example, to provide you with goods or services). In those circumstances, we may have to cancel a product or the services. We will seek to notify you if this is the case at the relevant time.

### **How and why we share your Personal Information**

We share Personal Information within Tricor's international network. Tricor may include disclosures or transfers to third party agents, suppliers or contractors, across geographical borders in connection with the processing of your Personal Information for the purposes described in this Privacy Statement. For example, we may disclose or transfer your Personal Information to third party agents who provide administrative, storage, information technology, security, communication, compliance, payment and other data processing services. Where necessary, Tricor will endeavor to take reasonable steps to ensure that data processing agreements are entered into with such third-party agents, suppliers or contractors so that they process your Personal Information, on our behalf, with the same level of security and confidentiality as applied by Tricor.

We may also provide your Personal Information to other parties to the extent required or provided by law, regulation or court order, for example if we are under a duty to disclose your Personal Information in order to comply with any legal or regulatory obligation such as our AML/CFT obligations or if we have agreed to assist with any tax or other regulatory filing requirements.

We may disclose your Personal Information for the purposes of seeking references and confirmation of the details which you have provided should you apply for a position with us.

Tricor may furthermore disclose or transfer Personal Information when we received your consent to do so or for one of the other purposes described in this Privacy Statement.

### **Cookie, Google Analytics and other Data Collection Technologies**

When you visit our website or use our mobile applications, we collect certain Transaction Information by automated means, using technologies such as cookies, pixel tags, browser analysis tools, server logs and web beacons.

For example, when you visit our website, we place cookies on your computer. Cookies are small text files that websites send to your computer or other internet-connected device to uniquely identify your browser or to store information or settings in your browser. Cookies allow us to recognize you when you return. They also help us provide a customized experience and enable us to detect certain kinds of fraud. In many cases, you can manage cookie preferences and opt-out of having cookies and other data collection technologies used by adjusting the settings on your browser. All browsers are different, so visit the “help” section of your browser to learn about cookie preferences and other privacy settings that may be available.

We collect many different types of information from cookies and other technologies. For example, we may collect information from the device you use to access our website, your operating system type, browser type, domain, and other system settings, as well as the language your system uses and the country and time zone where your device is located. Our server logs also record the IP address assigned to the device you use to connect to the internet. An IP address is a unique number that devices use to identify and communicate with each other on the internet. We may also collect information about the website you were visiting before you came to Tricor and the website you visit after you leave our site.

In many cases, the information we collect using cookies and other tools is only used in a non-identifiable way, without any reference to Personal Information. For example, we use information we collect about all website users to optimize our websites and to understand website traffic patterns.

In some cases, we do associate the information we collect using cookies and other technology with your Personal Information. This Privacy Statement applies to the information when we associate it with your Personal Information.

#### Google Analytics

One of the third-party vendors used by Tricor is Google Analytics. For information on how Google Analytics uses data please visit “How Google uses data when you use our partners’ sites or apps”, located at [www.google.com/policies/privacy/partners/](http://www.google.com/policies/privacy/partners/).

### **Your Rights and Privacy Choices**

You have the following rights in respect of the Personal Information about you that we process:

- the right to access Personal Information
- the right to rectify Personal Information
- the right to restrict the use of Personal Information
- the right to request that Personal Information is erased
- the right to object to processing of Personal Information
- the right to withdraw consent to process your Personal Information at any time.

In addition, you may have the right to make a complaint with the local supervisory authority with respect to the way Tricor is processing your Personal Information or the way Tricor is handling your rights.

You can always limit the information you provide to Tricor. You can also limit the communications that Tricor sends to you. To opt-out of commercial or marketing emails, simply click the link labelled “unsubscribe” at the bottom of any email we send you.

Please note that even if you opt-out of promotional emails, we may still need to contact you with important Transaction Information about the services or products we are providing or will provide to you or the organisation you work for. For example, even if you opt-out of emails, we may still send you activity confirmations and account statements.

If you have any questions about your rights, choices or if you need any assistance with opting-out, please contact us via email to [privacy@hk.tricorglobal.com](mailto:privacy@hk.tricorglobal.com). You can also write us at the address in the How to Contact Us section below. If you send us a letter, please provide your name, address, email address, and information about the communications that you do not want to receive.

### **Security of your information**

Tricor has implemented an information security program that contains administrative, technical, and physical controls that are designed to safeguard your Personal Information. For example, we use industry-standard encryption technology to secure sensitive Personal Information when it is being collected and transmitted over the internet as well as firewalls, site monitoring and intrusion detection software.

Please note that you should also take steps to protect yourself and your Personal Information, especially online. When you register at Tricor websites, choose a strong password, and do not use the same password that you use on other sites. Do not share your password with anyone else. Tricor will never ask you for your password in an unsolicited phone call or in an unsolicited e-mail. Also remember to sign out of the website and close your browser window when you have finished your work. This is to ensure that others cannot access your Personal Information and correspondence if others have access to your computer.

### **Third Party Privacy**

This Privacy Statement only addresses the use and disclosure of information by Tricor. Other websites that may be accessible through this website have their own privacy policies and data collection, use and disclosure practices. Our affiliates, suppliers and business partners have their own privacy policies too. We encourage you to familiarize yourself with the privacy statements provided by all third parties prior to providing them with information or taking advantage of an offer or promotion.

### **Forums, Community, Reviews and other Public Areas**

Our websites may provide forums and other areas where you can communicate with others and publicly post information. Prior to posting in these areas, please read our Terms of Use carefully. You have no privacy rights in public postings. All the information you post will be accessible to anyone with internet access, and any Personal Information you include in your posting may be read, collected, and used by others. For example, if you post your email address, you may receive unsolicited messages. Please use caution when posting any Personal Information.

### **For Job Applicants**

If you have applied for employment with Tricor, the Personal Information submitted with your job application may be added to our Talent Community and used for recruitment and other customary human resources purposes. You have the right to withdraw from our Talent Community.

### **Change of purpose**

We will only use Personal Information for the purposes for which we collected it, unless we reasonably consider that we need to use it for another reason and that reason is compatible with the original purpose.

If we need to use any Personal Information for an unrelated purpose, we will notify you and we will explain the legal basis which allows us to do so.

Please note that we may process Personal Information without your knowledge or consent, in compliance with the above, where this is required or permitted by law.

## **Changes to this statement**

From time to time, we may update this Privacy Statement to reflect new or different privacy practices. We will place a notice online when we make material changes to this the Privacy Statement. Additionally, if the changes will materially affect the way we use or disclose previously collected Personal Information, we will notify you about the change by sending a notice to the primary email address associated with your account.

## **Data Retention**

We will only retain Personal Information for as long as reasonably necessary to fulfil the purposes we collected it for, including for the purposes of satisfying any legal, regulatory, tax, accounting or reporting requirements.

To determine the appropriate retention period for Personal Information, we will consider the amount, nature and sensitivity of the Personal Information, the potential risk of harm from unauthorised use or disclosure of Personal Information, the purposes for which we process Personal Information and whether we can achieve those purposes through other means, and the applicable legal, regulatory, tax, accounting or other requirements.

## **Contacting Us**

You have the right to request access to, correction or erasure of Personal Information that we hold about you. All requests will be reviewed and processed in accordance with applicable law.

If you would like to access, correct, or erase your Personal Information or if you have any questions, comments or complaints (e.g. if you believe that Tricor has not handled your Personal Information properly or that it has breached its privacy obligations), you may contact us in the following ways:

(1) TRICOR SERVICES LIMITED

15/F, International Trade Tower,

348 Kwun Tong Road, Kowloon Hong Kong

Attention: Tricor's Office of Privacy & Data Governance

Email address: [privacy@hk.tricorglobal.com](mailto:privacy@hk.tricorglobal.com)

(2) TRICOR SERVICES (MALAYSIA) SDN BHD

Unit 30-01, Level 30, Tower A, Vertical Business Suite,

Avenue 3, Bangsar South,

No. 8 Jalan Kerinchi

59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Attention: Tricor Malaysia Personal Data Privacy Officer

Contact No: (60)3 2783 9191

The Privacy Officer will investigate any complaint and notify the individual within reasonable timeframe of the outcome of the investigation.

Please note this updated version of our privacy statement does not substantively change the way we treat Personal Information in comparison to the previous version of the privacy statement available historically on our websites.

In the event of any inconsistencies between the English version and the Bahasa Malaysia version, the English version shall prevail.

## PENYATA PRIVASI

Penyata Privasi ini menjelaskan dan menerangkan amalan kami untuk mengumpul, menggunakan, mengekalkan, melindungi, dan mendedahkan maklumat peribadi yang mungkin kami terima atau yang mungkin anda berikan sepanjang masa anda berurusan dengan kami termasuk semasa anda melayari laman web kami. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan tambahan tentang pemprosesan maklumat peribadi anda atau keselamatan maklumat, sila hubungi kami di [privacy@hk.tricorglobal.com](mailto:privacy@hk.tricorglobal.com).

Dalam Penyata Privasi ini, "Tricor" merujuk kepada kumpulan syarikat Tricor termasuk syarikat induk kami, subsidiari dan syarikat-syarikat gabungan yang berkaitan dengan kami. Setiap syarikat Tricor adalah berdedikasi untuk menghormati privasi dan melindungi maklumat peribadi yang diamanahkan kepadanya.

### Jenis Maklumat Peribadi yang dikumpul

Penyata Privasi ini menjelaskan amalan kami mengenai "Maklumat Peribadi" yang dikumpul oleh Tricor untuk tujuan perniagaannya. Maklumat Peribadi merangkumi maklumat yang boleh digunakan (secara langsung atau tidak langsung) untuk mengenal pasti, mengesan atau menghubungi anda daripada maklumat tersebut atau digabungkan dengan maklumat lain yang kami proses atau boleh diakses dengan munasabah. Kami mungkin mengumpul jenis Maklumat Peribadi seperti berikut:

- maklumat identiti peribadi anda (yang mungkin merangkumi nama dan maklumat pasport anda, alamat IP anda, status individu yang terdedah dari segi politik (PEP), data peribadi yang boleh didapati di domain awam, perincian maklumat kewangan anda, sumber kekayaan dan aset anda dan maklumat-maklumat lain yang mungkin diperlukan untuk Tricor membekalkan perkhidmatannya dan untuk menyelesaikan proses usaha wajar pelanggannya dan melaksanakan tanggungjawab AML / CFT).
- "Maklumat Komunikasi" yang membolehkan kami berkomunikasi dengan anda, seperti nama, nama pengguna, alamat surat-menyurat, nombor telefon, alamat e-mel atau alamat-alamat lain yang membolehkan kami menghantar mesej kepada anda.
- "Maklumat Hubungan" yang membantu kami menjalankan urusan perniagaan dengan anda, seperti jenis produk dan perkhidmatan yang kami bekalkan kepada anda atau yang mungkin menarik minat anda, maklumat tentang saiz syarikat anda, lokasi geografi, kepercayaan kredit dan demografi.
- "Maklumat Transaksi" mengenai bagaimana anda berinteraksi dengan Tricor, termasuk pembelian, pertanyaan, maklumat akaun pelanggan, dan maklumat tentang bagaimana anda menggunakan laman web dan aplikasi Tricor.
- Jika anda mengemukakan permohonan jawatan dengan kami, kami mungkin mengumpul maklumat berkaitan dengan pekerjaan terdahulu, kelayakan professional dan pendidikan, kewarganegaraan dan status imigresen/kediaman ananda, pendapat daripada pihak ketiga mengenai anda (seperti rujukan) dan butir-butir lain mengenai anda yang mungkin dikumpul dalam proses pengambilan. Kami juga mungkin menyemak maklumat yang boleh didapati secara umum mengenai anda di akaun media sosial anda.

### Kaedah-Kaedah Mengumpul Maklumat Peribadi

Dalam kebanyakan kes, kami mengumpul Maklumat Peribadi secara langsung daripada anda atau daripada pihak ketiga. Sebagai contoh, kami mungkin mengumpul Maklumat Peribadi anda daripada wakil-wakil yang diberi kuasa dan penasihat anda, majikan anda, pelanggan-pelanggan korporat kami di mana kami membekalkan perkhidmatan kepada mereka, penyedia perkhidmatan kami sebagai referi, dalam kes pencalonan pekerja. Kami mungkin meminta Maklumat Peribadi anda (termasuk Maklumat Komunikasi dan Maklumat Hubungan) semasa anda berinteraksi dengan kami, seperti mendaftar di laman web kami, mendaftar untuk menerima surat berita, atau membuat pembelian. Kami mungkin mengumpul Maklumat Hubungan tambahan daripada pembekal maklumat carian pihak ketiga yang dapat membantu kami lebih memahami pelanggan kami dengan lebih baik.

Kami mengumpul Maklumat Transaksi semasa anda menggunakan perkhidmatan atau produk daripada Tricor. Kami juga mengumpul Maklumat Transaksi ketika anda mengunjungi laman web kami, menggunakan aplikasi kami atau menghubungi kami, contohnya, bagi tujuan perkhidmatan pelanggan.

Sekiranya anda berinteraksi dengan kami atas talian, kami menggunakan kuki dan alat-alat teknologi lain untuk mengumpul maklumat mengenai komputer anda dan penggunaan laman web dan aplikasi kami oleh

anda. Kami menganggap maklumat ini sebagai Maklumat Peribadi apabila ianya dikaitkan dengan Maklumat Komunikasi anda. Untuk maklumat yang lebih lanjut mengenai kuki dan teknologi lain, sila lihat bahagian Kuki dan Teknologi Pengumpulan Data Lain di bawah.

### **Penggunaan Maklumat Peribadi**

Tricor boleh menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk:

- Memenuhi permintaan anda untuk perkhidmatan atau produk dan untuk aktiviti-aktiviti yang berkaitan, contohnya, perkhidmatan dan penghantaran produk, perkhidmatan pelanggan, pengurusan akaun, sokongan dan latihan dan untuk menyediakan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan hubungan anda dengan Tricor;
- Membekalkan perkhidmatan atau produk kepada pelanggan korporat kami dan untuk aktiviti-aktiviti yang berkaitan, seperti penyampaian perkhidmatan dan produk, perkhidmatan pelanggan, pengurusan akaun, sokongan dan latihan dan untuk menyediakan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan hubungan mereka dengan Tricor;
- Membekalkan anda komunikasi pemasaran dan tawaran perkhidmatan dan produk Tricor dan dalam beberapa kes, rakan kongsi kami, termasuk tawaran yang disasarkan berdasarkan minat, ciri-ciri perniagaan dan lokasi anda, dalam setiap kes, tertakluk kepada persetujuan anda jika perlu di bawah undang-undang yang sesuai;
- Mematuhi undang-undang, peraturan, dan panduan yang berkaitan;
- Mengendalikan tinjauan, penyelidikan pasaran, dan aktiviti promosi;
- Menentukan sama ada anda berlayakan untuk produk, perkhidmatan, atau tawaran tertentu;
- Memberikan maklumat tambahan yang anda mungkin berminat, seperti berita dan pengumuman Tricor dan buletin perkhidmatan teknikal;
- Menguruskan keperluan perniagaan harian kami, seperti pemprosesan pembayaran dan pengurusan akaun kewangan, pembangunan produk, pengurusan kontrak, pentadbiran laman web, pengurusan forum, pemenuhan, analisis, keselamatan dan pencegahan penipuan, tadbir urus korporat, pelaporan dan kepatuhan undang-undang, kesinambungan perniagaan dan aduan, tuntutan atau pengurusan litigasi; dan
- mempertimbangkan pemohon kerja untuk pekerjaan.

Kami mungkin tidak selalu bergantung pada persetujuan sebagai dasar undang-undang untuk memproses Maklumat Peribadi anda walaupun kami akan memohon persetujuan anda sebelum menghantar komunikasi pemasaran langsung pihak ketiga kepada anda melalui emel atau pesanan teks. Anda berhak untuk menarik balik persetujuan untuk pemasaran pada bila-bila masa dengan menghubungi kami.

### **Sekiranya anda gagal memberikan Maklumat Peribadi**

Dalam situasi di mana kami perlu mengumpul Maklumat Peribadi di bawah undang-undang yang berkaitan atau berdasarkan terma-terma perjanjian yang kami ada dengan anda, dan anda gagal membekalkan data tersebut ketika diminta, kami mungkin tidak dapat melaksanakan perjanjian tersebut (sebagai contoh, untuk membekalkan barang atau perkhidmatan kepada anda). Dalam situasi tersebut, kami mungkin kena membatalkan produk atau perkhidmatan tersebut. Kami akan memberitahu anda pada waktu yang sesuai sekiranya keadaan ini berlaku.

### **Bagaimana dan mengapa kami berkongsi Maklumat Peribadi anda**

Kami berkongsi Maklumat Peribadi dalam rangkaian antarabangsa Tricor. Tricor mungkin, termasuk penzahiran atau pemindahan kepada ejen-ejen pihak ketiga, pembekal-pembekal atau kontraktor-kontraktor, merentasi sempadan geografi berkaitan dengan pemprosesan Maklumat Peribadi anda untuk tujuan seperti yang dinyatakan dalam Penyata Privasi ini. Sebagai contoh, kami mungkin menzahirkan atau memindahkan Maklumat Peribadi anda kepada ejen-ejen pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan pentadbiran, penyimpanan, teknologi maklumat, keselamatan, komunikasi, pematuhan, pembayaran dan perkhidmatan

pemprosesan data yang lain. Jika diperlukan, Tricor akan berusaha untuk mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan perjanjian pemprosesan data dimasukkan dengan ejen-ejen pihak ketiga, pembekal-pembekal atau kontraktor-kontraktor tersebut supaya mereka memproses Maklumat Peribadi anda bagi pihak kami pada tahap keselamatan dan kesulitan yang sama dengan Tricor.

Kami juga mungkin membekalkan Maklumat Peribadi anda kepada pihak-pihak lain sejauh mana yang diperlukan atau diperuntukkan di bawah undang-undang, peraturan atau perintah mahkamah, misalnya, jika kami berkewajipan untuk menzahirkan Maklumat Peribadi anda untuk mematuhi obligasi undang-undang atau pengawalseliaan seperti obligasi berkenaan dengan AML / CFT atau jika kami telah bersetuju untuk memberi kerjasama dari segi kehendak-kehendak pemfailan cukai atau kawal selia yang lain.

Kami mungkin mendedahkan Maklumat Peribadi anda bagi tujuan memberi rujukan dan pengesahan butiran-butiran yang dibekalkan kepada kami semasa anda membuat permohonan jawatan dengan kami.

Tricor selanjutnya boleh menzahirkan atau memindahkan Maklumat Peribadi apabila kami mendapat persetujuan anda untuk melakukannya atau untuk salah satu tujuan lain yang dijelaskan dalam Penyata Privasi ini.

### **Kuki, Analitis Google dan Teknologi Pengumpulan Data lain**

Semasa anda melayari laman web kami atau menggunakan aplikasi mudah alih kami, kami mengumpulkan Maklumat Transaksi tertentu dengan cara berautomasi, menggunakan teknologi seperti kuki, tag piksel, alat analisis penyemak imbas, log pelayan dan suar web (*web beacons*).

Sebagai contoh, semasa anda melayari laman web kami, kami memasang kuki pada komputer anda. Kuki ialah fail teks kecil yang dihantar oleh laman web ke komputer anda atau alat lain yang berhubung dengan internet untuk mengenal pasti pelayar anda secara unik atau menyimpan maklumat atau penetapan di pelayar anda. Kuki membenarkan kami untuk mengenali anda apabila anda kembali. Mereka juga membantu kami untuk menyediakan suatu pengalaman yang disesuaikan dan membolehkan kami mengesan jenis-jenis penipuan tertentu. Dalam banyak kes, anda boleh menguruskan pilihan kuki dan memilih untuk tidak memasang kuki dan teknologi pengumpulan data lain yang digunakan dengan menyelaraskan penetapan pada penyemak imbas. Kesemua penyemak imbas adalah berbeza, oleh itu, kunjungi bahagian Pertolongan(*Help*) di penyemak imbas anda untuk mengetahui pilihan kuki dan penetapan privasi lain yang tersedia ada.

Kami mengumpul pelbagai jenis maklumat yang berlainan daripada kuki-kuki dan teknologi-teknologi lain. Sebagai contoh, kami akan mengumpul maklumat daripada alat yang anda gunakan untuk melayari laman web kami, jenis sistem operasi anda, jenis penyemak imbas, domain dan penetapan sistem lain serta bahasa yang digunakan oleh sistem anda dan negara dan zon waktu di mana alatan anda berada. Log pelayan kami juga merekodkan alamat IP yang diberikan kepada alatan yang anda gunakan untuk berhubung dengan internet. Alamat IP merupakan nombor unik yang digunakan oleh alatan untuk mengenal pasti dan berkomunikasi antara satu sama lain di internet. Kami juga akan mengumpul maklumat berkenaan dengan laman web yang anda kunjungi sebelum melayari Tricor dan laman web yang anda kunjungi selepas meninggalkan laman kami.

Dalam banyak kes, maklumat yang kami kumpulkan dengan menggunakan kuki dan alatan-alatan lain hanya digunakan dalam keadaan yang tidak dapat dikenal pasti, tanpa merujuk kepada apa-apa Maklumat Peribadi. Sebagai contoh, kami menggunakan maklumat yang kami kumpulkan tentang semua laman web yang dilayari oleh pengguna untuk mengoptimumkan laman web kami dan memahami corak trafik laman web.

Dalam sesetengah kes, kami mengaitkan maklumat yang kami kumpulkan menggunakan kuki dan teknologi lain dengan Maklumat Peribadi anda. Penyata Privasi ini terpakai untuk maklumat ketika kami mengaitkannya dengan Maklumat Peribadi anda.

### Analitis Google

Salah satu vendor pihak ketiga yang digunakan oleh Tricor ialah *Google Analytics*. Berkenaan dengan maklumat tentang bagaimana *Google Analytics* menggunakan data, sila kunjungi "Cara Google menggunakan data semasa anda menggunakan laman web atau aplikasi rakan kongsi kami", yang terdapat di [www.google.com/policies/privacy/partners/](http://www.google.com/policies/privacy/partners/).



## Pilihan Hak dan Privasi Anda

Anda mempunyai hak-hak berikut mengenai Maklumat Peribadi anda yang kami proses:

- hak untuk mengakses Maklumat Peribadi
- hak untuk membetulkan Maklumat Peribadi
- hak untuk menghalang penggunaan Maklumat Peribadi
- hak untuk meminta agar Maklumat Peribadi dihapuskan
- hak untuk menolak pemprosesan Maklumat Peribadi
- hak untuk menarik balik persetujuan untuk memproses Maklumat Peribadi anda pada bila-bila masa.

Tambahan pula, anda mempunyai hak untuk membuat aduan dengan pihak berkuasa penyeliaan tempatan mengenai cara Tricor memproses Maklumat Peribadi anda atau cara Tricor menangani hak anda.

Anda sentiasa boleh menghadkan maklumat yang anda berikan kepada Tricor. Anda juga boleh menghadkan komunikasi yang dihantar oleh Tricor kepada anda. Untuk menarik diri daripada e-mel komersial atau pemasaran, klik pautan berlabel "unsubscribe" di bahagian bawah e-mel yang kami hantarkan kepada anda.

Sila ambil maklum bahawa walaupun anda memilih untuk menarik diri daripada e-mel promosi, kami mungkin masih perlu menghubungi anda tentang maklumat transaksi penting bagi perkhidmatan atau produk yang kami sediakan atau akan kami berikan kepada anda atau organisasi anda bekerja. Sebagai contoh, walaupun anda memilih untuk menarik diri daripada e-mel, kami masih boleh menghantar pengesahan aktiviti dan penyata akaun kepada anda.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang hak, pilihan anda atau jika anda memerlukan bantuan untuk menarik diri, sila hubungi kami melalui e-mel di [privacy@hk.tricorglobal.com](mailto:privacy@hk.tricorglobal.com). Anda juga boleh menulis kepada kami di alamat di bahagian Cara Menghubungi Kami di bawah. Sekiranya anda menghantar surat kepada kami, sila berikan nama, alamat, alamat e-mel dan maklumat anda mengenai komunikasi yang anda tidak mahu terima.

## Keselamatan maklumat anda

Tricor telah melaksanakan program keselamatan maklumat yang mengandungi kawalan pentadbiran, teknikal, dan fizikal yang direka untuk melindungi Maklumat Peribadi anda. Sebagai contoh, kami menggunakan teknologi enkripsi standard industri untuk melindungi Maklumat Peribadi yang sensitif ketika ia dikumpulkan dan dihantar melalui internet serta tembok api (*firewalls*), pemantauan laman web dan perisian pengesanan pencerobohan.

Sila ambil maklum bahawa anda juga harus mengambil langkah untuk melindungi diri anda dan Maklumat Peribadi anda, terutamanya semasa atas talian. Semasa anda mendaftar di laman web Tricor, pilih kata laluan yang kuat, dan jangan gunakan kata laluan yang sama dengan yang anda gunakan di laman web lain. Jangan kongsi kata laluan anda dengan orang lain. Tricor tidak akan meminta kata laluan anda dalam panggilan telefon atau e-mel, tanpa diminta. Ingat juga untuk log keluar dari laman web dan tutup tettingkap penyemak imbas anda setelah anda selesai bekerja. Tindakan ini adalah untuk memastikan bahawa orang lain tidak dapat mengakses Maklumat Peribadi dan surat-menyurat anda jika mereka mempunyai akses ke komputer anda.

## Privasi Pihak Ketiga

Penyata Privasi ini hanya menangani penggunaan dan pendedahan maklumat oleh Tricor. Laman web lain yang mungkin dapat diakses melalui laman web ini mempunyai dasar privasi dan amalan pengumpulan, penggunaan dan penzahiran data mereka sendiri. Syarikat-syarikat gabungan, pembekal dan rakan niaga kami juga mempunyai dasar privasi mereka sendiri. Kami mendorong anda untuk membiasakan diri dengan penyata privasi yang diberikan oleh kesemua pihak ketiga sebelum memberikan maklumat kepada mereka atau memanfaatkan daripada tawaran atau promosi.

## **Forum, Komuniti, Ulasan dan Kawasan Awam yang lain**

Laman web kami mungkin menyediakan forum dan kawasan lain di mana anda boleh berkomunikasi dengan orang lain dan menyiarkan maklumat secara terbuka. Sebelum menyiarkan di kawasan tersebut, sila baca Syarat Penggunaan kami dengan teliti. Anda tidak mempunyai hak privasi dalam siaran awam. Semua maklumat yang anda paparkan akan dapat diakses oleh sesiapa sahaja yang mempunyai akses internet, dan sebarang Maklumat Peribadi yang anda sertakan dalam penyiaran anda dapat dibaca, dikumpul, dan digunakan oleh orang lain. Sebagai contoh, jika anda menyiarkan alamat e-mel anda, anda mungkin akan menerima mesej tanpa diminta. Sila berhati-hati semasa menyiarkan sebarang Maklumat Peribadi.

## **Bagi Pemohon Pekerjaan**

Sekiranya anda telah memohon pekerjaan dengan Tricor, Maklumat Peribadi yang diserahkan bersama dengan permohonan pekerjaan anda mungkin ditambahkan ke Komuniti Bakat kami dan digunakan untuk tujuan pengambilan dan sumber manusia biasa yang lain. Anda berhak untuk menarik diri dari Komuniti Bakat kami.

## **Perubahan Tujuan**

Kami hanya akan menggunakan Maklumat Peribadi bagi memenuhi tujuan yang kami kumpulkannya, melainkan kami menyifatkan bahawa ianya adalah berpatutan bagi kami menggunakannya untuk sebab lain dan sebab tersebut adalah bersesuaian dengan tujuan asal.

Sekiranya kami perlu menggunakan sebarang Maklumat Peribadi untuk tujuan yang tidak berkaitan, kami akan memberitahu anda dan kami akan menerangkan dasar undang-undang yang membolehkan kami melakukannya.

Sila ambil maklum bahawa kami mungkin memproses Maklumat Peribadi tanpa pengetahuan atau persetujuan anda, berpatuhan kepada yang disebutkan di atas, di mana ianya adalah dikehendaki atau dibenarkan dari segi undang-undang.

## **Perubahan pada Penyata ini**

Dari semasa ke semasa, kami mungkin mengemas kini Penyata Privasi ini untuk mencerminkan amalan privasi yang baru atau berbeza. Kami akan memaparkan notis atas talian apabila kami membuat perubahan penting kepada Penyata Privasi ini. Selain itu, jika perubahan tersebut akan mempengaruhi secara substantial cara kami menggunakan atau mendedahkan Maklumat Peribadi yang telah dikumpulkan sebelumnya, kami akan memberitahu anda tentang perubahan tersebut dengan menghantar satu notis ke alamat e-mel utama yang dikaitkan dengan akaun anda.

## **Penyimpanan Data**

Kami hanya akan menyimpan Maklumat Peribadi demi suatu tempoh yang semunasabahnya diperlukan untuk memenuhi tujuan kami kumpulkan, termasuk untuk memenuhi keperluan undang-undang, peraturan, cukai, perakaunan atau pelaporan yang terpakai.

Untuk menentukan tempoh penyimpanan yang sesuai untuk Maklumat Peribadi, kami akan mempertimbangkan jumlah, sifat dan kesensitifan Maklumat Peribadi, potensi risiko bahaya daripada penggunaan atau penzahiran Maklumat Peribadi yang tidak dibenarkan, tujuan kami memproses Maklumat Peribadi dan sama ada kami dapat mencapai tujuan tersebut dengan cara-cara lain, dan keperluan undang-undang, peraturan, cukai, perakaunan atau keperluan lain.

## **Hubungi Kami**

Anda berhak untuk meminta akses kepada, pembetulan atau penghapusan Maklumat Peribadi yang kami simpan mengenai anda. Semua permintaan akan ditinjau dan diproses menurut undang-undang yang terpakai.

Sekiranya anda ingin mengakses, membetulkan atau menghapuskan Maklumat Peribadi anda atau jika anda mempunyai pertanyaan, komen atau aduan (contohnya, jika anda percaya bahawa Tricor tidak menangani Maklumat Peribadi anda dengan betul atau melanggar tanggungjawab privasinya), sila hubungi kami melalui cara-cara berikut:

(1) TRICOR SERVICES LIMITED

15/F, International Trade Tower,

348 Kwun Tong Road, Kowloon Hong Kong

Perhatian: Pejabat Privasi & Tadbir Urus Data Tricor

Alamat emel: [privacy@hk.tricorglobal.com](mailto:privacy@hk.tricorglobal.com)

(2) TRICOR SERVICES (MALAYSIA) SDN BHD

Unit 30-01, Level 30, Tower A, Vertical Business Suite,

Avenue 3, Bangsar South,

No. 8 Jalan Kerinchi

59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Perhatian: Pegawai Privasi Data Peribadi Tricor Malaysia

No: (60)3 2783 9191

Pegawai Privasi akan menyiasat sebarang aduan dan memberitahu hasil siasatan kepada individu tersebut dalam jangka masa yang munasabah.

Sila ambil maklum bahawa versi penyata privasi kami yang dikemas kini ini tidak secara substansial mengubah cara kami menangani Maklumat Peribadi berbanding dengan versi penyata privasi sebelumnya yang tersedia pada masa dahulu di laman web kami.

Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.